

-
- Title** : "Cina" dalam Pemikiran Abdullah Badawi (Pemikiran Pemimpin: Pemetaan dan Perbandingan Ontologi)
- Author(s)** : Tuan Mohd Faizal Azmin bin Tuan Mat, Azman bin Baker & Alexson bin Lubini
- Institution** : School of Social Sciences, Universiti Sains Malaysia
- Category** : Article
- Topic** : Culture, Multiculture, Ethnic
- Publisher** :

‘CINA’ DALAM PEMIKIRAN ABDULLAH BADAWI

Datuk Seri Abdullah bin Ahmad Badawi dengan rasminya telah dilantik sebagai Perdana Menteri kelima yang baru menggantikan Tun Mahathir Mohammad. Kesinambungan teraju pentadbiran negara diteruskan dengan falsafah perkongsian kuasa dan kepelbagaiannya masyarakat etniknya yang berbilang kaum. Melayu, Cina, India dan etnik lainnya hidup sebumbung di dalam satu rukun sebuah negara bernama Malaysia.

Wawasan dan matlamat adalah naluri semulajadi setiap pemimpin. Jatidiri pemimpin yang unggul lahir daripada pemikiran yang tiada hadnya. Pemikir yang hebat merupakan individu yang punya matlamat. Individu yang kuat daripada segi fizikal dan mental. “Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi punyai kekuatan sendiri”.¹ Andaian ontologikal dan persepsi tersendiri oleh Prof. Datuk Ungku Aziz dalam sebuah suratkhabar tempatan baru-baru ini. Beliu cuba melihat secara positif jati diri seorang pemimpin yang baru bergelar Perdana Menteri. Perbincangan ini cuba melihat pemikiran pemimpin iaitu ‘Cina’ dalam pemikiran Abdullah Badawi dan perbandingan ontologinya dengan pemikiran Tun Mahathir Mohammad.

‘Cina’ menurut Kamus Dewan Bahasa Edisi Ketiga ialah “satu bangsa yang nenek moyang mereka berasal dari negeri Cina (Tiongkok) Tionghua”.² Cina seperti juga Melayu dan India istilahnya terlalu universal. Pandangan umum, Cina adalah nama bagi satu bangsa manusia, satu tamadun, satu negara, budaya, satu masyarakat ataupun seorang individu. Cina dalam pemikiran Abdullah Badawi adalah satu etnik yang merangkumi keseluruhan penduduk

¹ Utusan Malaysia.

² Kamus Dewan Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Putaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994, m.s.240.

Malaysia. Cina juga adalah sebahagian daripada rakyat Malaysia yang pemimpin utamanya adalah Perdana Menteri Abdullah Badawi.

ZAMAN 1980 AN

Datuk Seri Abdullah Badawi dan Tun Mahathir Mohammad, kedua-duanya punya kekuatan tersendiri. Cina dalam pemikiran Abdullah Badawi adalah individu dan masyarakat yang tertakluk di bawah undang-undang dan Perlembagaan negara Malaysia. Punya hak yang sama. Walaupun ketara pelbagai perbezaan kelihatan, Abdullah Badawi melihat semua kaum di Malaysia sama ada Melayu, Cina, atau India adalah sama iaitu satu bangsa Malaysia. Sebagaimana perutusan tahun baru beliau pada 31 Disember 2003 yang lalu;

*“Marilah kita sama-sama bertekad membina sebuah negara yang menjadi kebanggaan setiap warganegara yang menyediakan peluang kehidupan tanpa memenculkan mana-mana pihak sekalipun, negara yang membolehkan warga daripada pelbagai agama, kaum, budaya dan bahasa dapat hidup bersama. Orang Islam, Buddha, Hindu, Sikh dan Kristian. Orang Melayu, Cina, India, Kadazan, Iban, Murut dan lain-lain diberikan peluang secara adil menyertai proses politik dan proses pembangunan negara dan secara bersama mencipta pertumbuhan ekonomi negara”.*³

Perbandingan ontologi antara pemikiran Abdullah Badawi dan Tun Mahathir Mohammad ternyata tiada bezanya. Kedua-dua tokoh pemikir ini meletakkan wawasan yang sama,

³ Teks Perutusan Tahun Baru Perdana Menteri, “Kukuhkan Jati diri”, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Utusan Malaysia, Khamis, 1 Januari, 2004, m.s. 6.

khususnya terhadap masyarakat Cina yang merupakan kaum minoriti kedua terbesar. Ungkapan “....menyediakan peluang kehidupan tanpa memencarkan mana-mana pihak sekalipun,’ cukup menggambarkan pemikiran yang adil dan saksama.

Dahulu, Malaysia adalah jajahan kolonial British dan Jepun. Di sinilah bermulanya penghijrahan masuk kaum Cina, India dan lain-lainnya. Bertitik tolak dari inilah juga, masyarakat Cina berjaya menempatkan diri sebagai satu unit dari bangsa Malaysia. Pemimpin terdahulu seperti Tunku Abdul Rahman, Tun Abdul Razak, Tun Hussein Onn, Tun Mahathir Mohammad dan kini Abdullah Badawi menerima dengan tangan terbuka kehadiran mereka ini.

Cina bebas hidup dalam sebuah negara bernama Malaysia. Cina secara ‘autonomous’ dalam politik, ekonomi, sosial meliputi keagamaan, kebudayaan dan cara hidup. Buktinya, negara Malaysia sejak merdeka pada tahun 1957 diterajui bersama melalui Parti Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional yang meliputi United Malayan Nation Organisation, UMNO (Melayu), Malayan Chinese Association, MCA (Cina), dan Malayan Indian Association, MCA (India) serta beberapa parti lain. Jelasnya, Cina dalam pemikiran Abdullah Badawi boleh terlibat secara langsung dalam arena politik negara. Tiada halangan atau ‘sanction’ dikenakan.

Mereka bebas untuk menjalankan kegiatan politik dan seterusnya dapat memainkan peranan penting dalam tampok pemerintahan negara. Dengan kata lain, tiada diskriminasi yang dibuat oleh pemerintah dalam melaksanakan pemerintahan dengan membuka peluang kepada golongan selain daripada golongan melayu untuk menjalankan pemerintahan. Contohnya menteri kerja raya di berikan kepada pemimpin daripada parti MCA iaitu Datuk S Sami velu dan

sebagainya. Ini menunjukkan bahawa pemerintahan negara tidak hanya di pegang oleh penduduk tempatan sahaja malahan ia juga di terajui oleh penduduk yang lain asalkan dia mendapat kepercayaan oleh penduduk.

Cina dalam menentukan halatuju pentadbiran negara dibenarkan oleh Perlembagaan Malaysia untuk memilih wakil mereka bagi menjaga kepentingan masyarakat Cina. Sejumlah kerusi diperuntukkan bagi perwakilan dalam Parlimen yang meliputi Dewan Negara dan Dewan Rakyat. Pemikiran Abdullah Badawi dapat dilihat dengan jelas tidak membelakangkan orang Cina dengan memastikan suara masyarakat Cina dapat diketengahkan melalui wakil-wakil mereka lebih tepat lagi wakil rakyat.

Pilihanraya umum yang diadakan setiap lima tahun sekali tidak menghalang mana-mana individu yang telah berumur 21 tahun ke atas untuk mengundi tanpa mengira bangsa atau agama. Abdullah Badawi sebagai Perdana Menteri boleh merangka dasar sekaligus mengenepikan hak orang Cina dan bangsa lainnya, tetapi pemikirannya menerima pakai pendemokrasian yang telah diamalkan sekin lama. Sejak merdeka pada 31 Ogos, 1957 hingga ke tahun 2004 ini, orang Cina tidak dihalang atau disangkal haknya sebagai pengundi dalam pilihan raya umum yang bebas dan sah.

Memilih dan menerajui serta mentadbir malahan berkongsi kuasa adalah sinonim dalam pentadbiran kerajaan Malaysia. Kepelbagaiannya kaum bersama-sama menyumbang idea dan pemikiran. Abdullah Badawi meneruskan kesinambungan ini dengan meletakkan pemimpin negeri dan kawasan mengikut majoriti atau keperluan kaum tertentu. Contohnya di negeri Pulau

Pinang telah ditempatkan seorang pemimpin Cina iaitu Datuk Seri Dr. Koh Tsu Khoon sebagai Ketua Menteri dan pentadbir negeri.

Abdullah Badawi melihat peri pentingnya tradisi ini diteruskan bagi menjamin perpaduan dan kesatuan dapat dikekalkan. Begitu juga di negeri Sabah dan Sarawak, walaupun, terdiri daripada berbilang kaum, adat dan budaya kelompok orang Cina yang terdapat di sini diberikan hak untuk memilih wakil bagi menyuarakan pandangan sekaligus menjaga kepentingan mereka.

Perbandingan ontologi berkaitan pemikiran Abdullah Badawi dan Tun Mahathir Mohammad adalah sama jika dilihat dalam konteks Cina dalam politik dan pentadbiran yang wujud di Malaysia. Kedua-duanya mengguna pakai sistem sedia ada berlandaskan undang-undang dan perlembagaan negara. Ontologi pemikiran kedua-dua tokoh ini dalam melibatkan kaum Cina dalam politik adalah sehala tanpa menidakkannya hak kaum minoriti yang kedua terbesar di Malaysia ini.

Apabila Perlembagaan Persekutuan bertulis dirangka dan diisythihar bertujuan untuk menyatukan masyarakat, hak-hak asasi setiap individu rakyat Malaysia telah diteliti dengan sebaiknya. Pada masa yang sama ia mengiktiraf kepelbagaiannya kaum, bahasa dan agama asal masyarakat yang membentuk negara Malaysia. Begitu juga dengan orang Cina tertakluk di bawah Perlembagaan 1957 seperti juga orang Melayu dan India.

“Dalam konteks kewujudan dan kehidupan bangsa Malaysia, Perlembagaan Persekutuan merupakan warisan murni orang Malaysia tanpa mengira warisan etnik

*seseorang individu dan latar belakang agama. Oleh sebab itu setiap warganegara mempunyai tugas asas untuk menghormati, mematuhi dan memelihara Perlembagaan Malaysia”.*⁴

Oleh kerana itu juga Abdullah Badawi memikirkan orang-orang Cina walau dalam apa jua keadaan wajar bersama-sama dalam apa jua keadaan tidak kira semasa senang ataupun semasa sukar. Baru-baru ini negara dikejutkan dengan isu, Malaysia antara negara Islam yang tidak mengamalkan kebebasan beragama di kalangan rakyatnya. Tuduhan tidak berasas ini sengaja dilemparkan oleh pihak barat untuk memecah-belahkan masyarakat berbilang bangsa di negara ini. Dalam hal ini, orang Cina sewajarnya bersuara dan menyatakan realiti yang sebenar berlaku begitu juga penganut-penganut agama yang lain.

Tokong-tokong Cina dan Kuil-kuil Hindu bertaburan di merata tempat. Sama juga dengan gereja-gereja milik penganut agama Kristian bebas melaksanakan upacara tanpa gangguan. Pastinya, Abdullah Badawi mengharapkan satu masyarakat yang bersekongkol menolak arus fitnah yang ganas ini. Tun Mahathir Mohammad dengan wawasan 2020 mengharapkan satu kesepakatan yang jitu antara semua kaum di Malaysia. Dalam hal ini satu halacara yang sama ditonjolkan oleh pemimpin dahulu dan pemimpin sekarang.

ZAMAN 1990 HINGGA SEKARANG

⁴ Tun Dato' Seri Dr. Lim Chong Eu, “Mematuhi, Menghormati Dan Mengkekalkan Perlembagaan”, Integrasi Nasional Cabaran bagi Malaysia yang Berbilang Kaum, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1996, m.s. 4.

Beralih dari arena politik ke bidang pendidikan. Jelas dapat dilihat bentuk pemikiran Abdullah Badawi tentang Cina. Begitu juga perbandingan ontologinya dengan Tun Mahathir Mohammad. Kita ambil contoh kemasukan para pelajar ke Institusi pendidikan tinggi awam (IPTA). Ia dibuat berdasarkan sistem kuota mengikut kaum. Bermakna tidak semua pelajar lepasan SPM dan STPM berpeluang melanjutkan pelajaran.

Pelajar melayu lebih diberikan keutamaan untuk memasuki IPTA kerana peminpin sedar bahawa masyarakat melayu terlalu lemah dalam bidang pelajaran. Untuk memastikan pelajar melayu mendapat peluang untuk belajar di taraf yang palaing tinggi sistem kuota ini di perkenalkan. Manakala kuota untuk bangsa lain seperti Cina dan India dihadkan kerana mereka mempunyai alternatif lain iaitu dengan melanjutkan pelajaran melalui IPTS yang diwujudkan sejak dahulu lagi untuk memastikan sistem pendidikan negara dapat di tingkatkan. Penswastaan pendidikan tinggi adalah bentuk pemikiran Abdullah Badawi dan Tun Mahathir dalam menjaga kepentingan Cina di Malaysia supaya tidak ketinggalan dalam arus pendidikan yang berkembang pesat

Memandangkan sistem kuota ini menghadkan bilangan pelajar. Dilihat pada era Tun Mahathir Mohammad, beliau mencadangkan sistem kuota ini dimansuhkan dan digantikan dengan sistem baru yang dikenali sebagai sistem MERIT (tanpa kuota) dimana sistem ini adalah diamalkan pengambilan dengan cara yang menyeluruh tanpa mengira bangsa dan keturunan iaitu berdasarkan pencapaian dan kecemerlangan akademik. Ini bermakna, tiada lagi keistimewaan sama ada untuk Melayu, Cina atau India. Sistem ini terus dilaksanakan hingga peralihan kuasa kepimpinan diambil alih oleh Abdullah Badawi hingga kini.

Dahulu, orang Cina terpaksa akur dengan sistem kuota yang digunakan. Kini, tiada lagi halangan hanya akademik yang baik melayakkan mereka ke menara gading. Penilaian yang jelas boleh dibuat, ontologi pemikiran Abdullah Badawi menerima guna sistem yang dirangka oleh kepimpinan terdahulu seperti Tun Mahathir Mohammad.

Begitu juga kemasukan ke pendidikan Matrikulasi untuk lepasan SPM. Umum mengetahui, program Matrikulasi hanyalah untuk pelajar-pelajar bumiputera. Jelasnya, pelajar Cina dan India tidak layak memohon. Walau bagaimanapun, pada tahun 2003 yang lalu, program dan kemasukan ke Matrikulasi telah dibuka kepada bukan bumiputera pada kadar 10 % bagi setiap kemasukan. Kini, telah ada sebanyak “1, 283 orang pelajar bukan bumiputera berdaftar sehingga tahun 2003”.⁵ Sebahagian daripada jumlah tersebut merupakan pelajar Cina yang diberi tempat dan peluang yang sama dalam merealisasikan aspirasi pendidikan negara. Ini menunjukkan pemikiran Abdullah Badawi sebagai pemimpin utama negara dan perbandingan ontologinya dengan Tun Mahathir Mohammad tidak jauh bezanya iaitu sama-sama mempunyai visi dan misi yang sehalia dan jelas.

Pendidikan terbuka kepada semua kaum sama ada Melayu, India, atau Cina . Bermula peringkat rendah dari darjah satu hingga darjah enam, diikuti peringkat menengah iaitu tingkatan satu hingga tingkatan enam dan peringkat seterusnya ke universiti. Semuanya diberi peluang sama rata. Di peringkat rendah ada pelbagai sistem persekolahan seperti sekolah agama, Cina dan Tamil juga milik persendirian. Sebenarnya corak dan bentuk yang berbeza ini lahir dari pemikiran dan pandangan yang berbeza. Seperti juga pembentukan dan gabungan Sekolah

⁵ “Matrikulasi Kurikulum 2004 Dimantapkan”, Pendidikan, Utusan Malaysia, Isnin, 29 Disember, 2003, m.s. 4

Wawasan yang sedang giat direncanakan lahir daripada aliran pemikiran dan ontologi yang berlainan.

Sistem Sekolah Wawasan sebenarnya bermotifkan kebaikan iaitu untuk mewujudkan integrasi kaum di kalangan para pelajar yang berbilang kaum. Ini kerana, sistem lama mengasingkan pelajar mengikut etnik masing-masing tanpa pergaulan. Sedangkan konsep baru Sekolah Wawasan tetap menghormati hak sekolah-sekolah vernakular di negara ini. Walaupun menggabungkan tiga aliran sekolah iaitu sekolah kebangsaan (SK), Sekolah Jenis Kebagsaan Tamil (SJKT) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC), Sekolah Wawasan tetap mempunyai pusat pentadbiran mengikut aliran masing-masing.

Perkongsian hanya berlaku dalam aspek kemudahan fizikal seperti kantin sekolah, dewan perhimpunan dan padang permainan. Malahan, sekolah-sekolah vernakular ini boleh terus mengekalkan lembaga pengelola sekolah yang sememangnya menjadi tradisi mereka sejak turun-temurun. “Sekolah Wawasan juga tetap menghormati bahasa dan kebudayaan sekolah masing-masing”.⁶

Kebiasaannya sekolah-sekolah yang enggan bergabung ini mempunyai alasan-alasan yang longgar dan lemah. Contohnya, SJKC Ladang Hillside di Seremban, Negeri Sembilan menolak kerana mahu mengekal dan mempertahankan identiti sekolah Cina. Mungkin tanggapan mereka dengan bergabung dengan aliran melayu (kebangsaan) dan aliran Tamil bahasa dan

⁶ Zalina Yahaya, “SJKC Hillside tolak Sekolah Wawasan bukan hebat”, Dalam Negeri, Mingguan Malaysia, Ahad, 4 Januari, 2004

budaya mereka akan terhakis. Namun kedegilan berpindah ke Sekolah Wawasan sebenarnya mahu mempertahankan ‘keegoan’ pentadbir sekolah itu sendiri.

Ontologi pemikiran yang jelas dan pendirian yang tegas perlu dilaksanakan. Persoalannya di mana ketegasan Kementerian Pendidikan dalam memastikan perencanaan ini dibuat dan dipraktikkan segera. Juga di mana peranan MCA selaku sebuah organisasi besar yang mewakili masyarakat Cina untuk memberi penerangan dan menjelaskan kemurnian konsep Sekolah Wawasan ini. Ataupun mereka sendiri tiada keyakinan dengan wawasan dan pemikiran Abdullah Badawi dan Tun Mahathir sendiri yang bertindak sebagai ‘master mind’ dalam bidang pendidikan.

Jelas kelihatan keegoan dan pentingkan diri sendiri amat merugikan terutamanya bagi kaum pelajar yang terlibat dan institusi kaum itu sendiri. Presiden Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NTUP);

“....meminta kerajaan tidak tunduk kepada tekanan dalam menangani isu Sekolah Wawasan di negara ini. ... penolakan sekolah jelas menimbulkan kesan negatif dalam mengekalkan hubungan integrasi kaum yang perlu dipupuk sejak di sekolah rendah”.⁷

Mungkin kurang pengetahuan tentang Sekolah Wawasan menjadi penyebabnya Bagi menangani perkara ini daripada berterusan, adalah menjadi tanggungjawab dan cabaran yang harus dipikul oleh Kementerian Pendidikan dengan pemikiran kepimpinan yang bijaksana untuk kepentingan negara.

⁷ Ibid no 6.

Pemimpin terdahulu membawa perubahan dan pemikiran pemimpin kini membuat penambah baikan. Contohnya, sekolah agama rakyat dahulunya milik penuh persendirian dengan tumpuan utama hanya pendidikan agama sahaja. Tetapi, sekarang telah diambil alih oleh pihak kerajaan dengan tambahan pengajaran dan pembelajaran sains dan teknologi di samping pendidikan agama Islam. Ontologi pemikiran Tun Mahathir Mohammad ingin melihat kegemilangan ilmu di kalangan orang Melayu yang beragama Islam agar mampu bersaing dengan bangsa lain seperti orang Cina. Tidak hanya satu cabang ilmu sahaja.

Bagi meningkatkan penguasaan bahasa Inggeris, matematik dan sains pengajaran dan pembelajaran kedua-dua subjek ini diwajibkan dalam bahasa Inggeris bagi semua tahap pendidikan akan dilaksanakan secara berperingkat-peringkat. Ianya telah dimulakan di peringkat rendah lagi agar pelajar dapat memupuk semangat ingin tahu dan semangat untuk menguasai bahasa inggeris itu wujud dalam diri mereka.

Kehadiran ini adalah untuk pendedahan awal pelajar kepada bahasa tersebut iaitu bahasa Inggeris. Apabila minat atau semangat untuk belajar bahasa tersebut dapat di pupuk, keadaan ini akan memudahkan proses pembelajaran yang dilakukan. Kini, ia telah mula dilaksanakan melalui kepimpinan Abdullah Badawi.

Perubahan baik yang disarankan oleh beliau ialah pemakaian baju batik ada hari Sabtu setiap minggu sewaktu menjadi Timbalan Perdana Menteri. Iaitu;

“kerajaan menggalakkan kakitangan awam supaya meneruskan tradisi memakai pakaian batik ketika menghadiri sesuatu majlis bagi membangunkan industri berkenaan di negara ini”.⁸

Kini bukan sahaja kakitangan kerajaan sahaja memakai batik, pelajar-pelajar sekolah juga mungkin disyorkan untuk memakai pakaian batik pada waktu persekolahan.

“Kementerian Pendidikan sedang menimbang untuk memberi kelonggaran kepada pelajar memakai pakaian batik pada hari-hari tertentu selaras dengan galakan oleh kerajaan”.⁹

Dua corak pemikiran yang mungkin berbeza pada dasarnya tetapi menuju ke satu arah yang sama. Satu mengorak langkah dengan wawasan baru dan seterusnya membuat perubahan dan inovasi bagi melengkapkan daya wawasan tersebut.

Tun Mahathir Muhammad melihat pendidikan dan ilmu pengetahuan sebagai eset utama untuk pembangunan sesebuah negara seperti Malaysia khususnya. Dalam burget 2003 yang lalu beliau memperuntukkan perbelanjaan yang besar keatas pendidikan yang meliputi pasaran fizikal, dan tenaga pengajar bagi semua peringkat. Kesannya, jumlah sekolah rendah sehingga 31 januari 2003 seperti yang di catatkan dalam perangkaan pendidikan 2003, menteri pendidikan

⁸ “Arahan pakai baju setiap Sabtu”, Utusan Malaysia, Utara, Isnin, 29 Disember, 2003, m.s. 27.

⁹ Nazeri Nong Samah dan Azman Ismail,’Kementerian kaji kemungkinan pelajar sekolah pakai batik”, Utusan Malaysia, Isnin, 29 Disember, 2003, m.s.1.

ialah 5,655 buah manakala sekolah menengah kebangsaan sebanyak 1,682 buah.¹⁰ Ini belum mengambil kira sebahagian yang masih dalam pembinaan.

Berdasarkan pemikiran dan halatuju Abdullah Badwi dilihat agak berlainan sedikit. Dia bersama perancangan Tun Mahadir Mohammad tetapi menjadi pelaksanaan utama dan pembimbing dalam pelaksanaannya. Ontologi pemikiran beliau yang mahukan ontologi pemikiran Tun Mahathir Muhammad diteruskan tetapi menyarankan supaya projek pembinaan sekolah tidak dilakukan secara mewah , perlu diberi perhatian serius oleh semua pihak.

Beliau berpandangan projek pembinaan sekolah yang mewah seperti menggunakan hiasan dan seni bina yang mahal adalah membazir kerana pelajar tidak dapat memanfaatkannya. Abdullah Badwi lebih melihat kepada kepentingan para pelajar sekaligus menggalakkan pembaziran . Secara tersiratnya, ontologi pemikiran Abdullah Ahmad Badwi merialisasikan keutamaan pelbagai pihak dalam hal ini, termasuklah pelajar, ibu bapa, guru-guru, pihak pentadbir sekolah dan negara ini sendiri secara umumnya. Pastinya , kepentingan ini juga melibatkan golongan cina itu sendiri.

Kepentingan untuk golongan cina terus terjaga bukan sahaja di dalam malahan di luar negara khususnya kepada pelajar-pelajar asing. Mereka diberikan keistimewaan yang sama sebagaimana yang diberikan kepada golongan bumiputera dan dilayan sama rata. Dengan kata lain tiada lagi istilah anak tiri dalam sistem pendidikan di negara ini. Keadaan ini akan dapat menarik minat pelajar asing daripada seluruh dunia untuk belajar di negara Malaysia.

¹⁰ UM, Rohana Man, "kembali kepada fungsi asas, Khamis, 1 Januari, 2004, M/S . 6

“Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan JPS, Alimuddin Mohd Alam berkata, beberapa usaha promosi untuk menarik lebih ramai pelajar asing ke negara ini sedang dilakukan termasuk menubuhkan empat buah pejabat pendidikan di luar negara. Katanya empat pejabat itu, ialah di Beijing, cina,”.¹¹

Kelihatannya untuk menjual produk pendidikan negara kepada orang luar, tetapi sebaliknya mempunyai tujuan untuk kebaikan bersama sekaligus menjana ilmu pengetahuan dan pendapatan negara melalui pertukaran pelajar dan tukaran matawang asing. Ini termasuklah beberapa perubahan yang telah yang telah dibuat seperti penswastaan dan pengkorporatan pendidikan tinggi. Selain mendapat keuntungan daripada sistem pendidikan negara ilmu pembelajaran juga dapat dikembangkan.

Bagi menjamin sistem pendidikan negara berada pada tahap cemerlang dan terus gemilang, tanggungjawab ini terletak di bahu para guru. Untuk itu, Tun Mahathir Muhammad menyalurkan ontologi pemikirannya melalui kementerian pendidikan cuba meningkatkan kecekapan golongan guru.

Dengan wawasan 2020, belia cuba melahirkan kelompok guru yang berijazah . Bukan sahaja diperingkat menengah dan rendah tetapi juga untuk petempatan diperingkat Pra sekolah serta sekolah-sekolah pendidikan khas,. Untuk tujuan tersebut para guru yang ingin mengajar di sekolah walaupun sekolah kebangsaan mereka disyaratkan untuk mempunyai ijazah terlebih dahulu. Dengan kata lain bagi melayakkan mereka untuk mengajar mereka diwajibkan untuk

¹¹ UM, “IPTS, Tarik 50,000 pelajar asing pada 2005”, pendidikan, Jumaat, 12 Disember, 2003 M/S 3.

berijazah. Ini adalah sesuai dengan hasrat kerajaan untuk melahirkan guru yang berkualiti dan seterusnya mewujudkan pelajar yang gemilang.

“Sebanyak 200 guru berijazah dijangka ditempatkan di institusi-institusi pra sekolah kendalian kementerian pendidikan.. Menteri pendidikan, Tan Sri Musa Muhammad hari ini bertujuan mengukuhkan sistem pendidikan awal sebagai usaha kemajuan untuk memantapkan bagi sistem pendidikan negara secara keseluruhan.....”.¹²

Pemikiran Abdullah Ahmad Badwi melihat perkara ini bagi menafaat umum, iaitu para guru yang mempunyai ijazah dengan pendapatan tinggi, juga ilmu yang disampaikan kepada kumpulan sasaran di semua peringkat yang secara nyatanya merangkumi Cina selain Melayu dan India serta yang lain-lainnya. Pendidikan tinggi dan pengetahuan yang mendalam dengan memiliki ijazah bukan penentu kepada kecemerlangan pendidikan. Golongan pendidik perlukan rangsangan mental dan fizikal untuk merialisasikannya. Salah satunya ialah melaui upah, gaji atau imbuhan yang berupa wang tunai. Abdulldah Badawi sedar dorongan berbentuk fizikal wajar disalurkan bagi khidmat yang dicurahkan tetapi dengan syarat.

“ Kira-kira 30,000 siswazah dan bukan siswazah perlu menduduki peperiksaan pnilaian tahap kecekapan (PTK) untuk layak dipertimbangkan dan mata kenaikan gaji dan pangkat bagi tahun 2004.¹³

¹² UM, “200 guru berijazah dijangka di tempatkan di Pra sekolah 2004, dalam negeri, Jumaat 12, Disember 2003, M/S 25.

¹³ Ibib , no 15

Abdullah Badwi memandang perkara ini, bagi menjayakan ontologi pemikiran Tun Mahathir Muhammad dalam pendidikan negara. Di samping itu, beliau mempunyai ontologi sendiri dalam menjayakannya kerana beliau berjaya dan yakin imbuhan sesuatu perbuatan baik adalah perlu dan wajar dihargai. Juga sedikit pengorbanan . Dr. W. Dyer dalam bukunya ‘real magic, berkata:

“ Keyakinan mempunyai keajaiban yang merentasi logik, kemakmuran dalam semua hal termasuklah dari segi wang ringgit berpunca daripada gambaran yang terdapat di dalam pemikiran manusia. sebenarnya apa yang saya maksudkan ialah kita boleh memberi kesan kepada dunia fizikal dan semua keadaan dalam hidup kita melalui cara bagaimana kita menggunakan minda kita”.¹⁴

Asas kepada sistem pendidikan dari dulu hingga kini adalah perpaduan. Perpaduan bagi negara Malaysia sangat penting kerana penduduknya yang berbilang kaum, budaya, agama, bahasa, adat resam dan cara hidup. Tun Mahathir Mohammad dilihat seorang yang tegas dan keras, sebaliknya Abdullah Badawi berperwatakan lembut tetapi berperibadi tegas di dalam. Walau bagaimanapun, ontologi pemikiran kedua-duanya lebih terarah kepada satu keadaan yang sama iaitu perpaduan. Bagi orang Cina yang merupakan penghijrah ke Malaysia, Tun Mahathir memandang mereka sebagai rakan kongsi dalam pembangunan ekonomi kerana penguasaan mereka. Begitu juga Abdullah Badawi melihat orang Cina penting dalam ekonomi, politik, sosial dan sebagainya.

¹⁴ Jack Collis, “ Yakin pada diri sendiri,”pastinya anda boleh, Thinkers Library . Sdn Bhd, 2003, Bab 3, M/S 31.

Pengaruh resolusi yang diwar-warkan oleh kedua-dua pemimpin ini telah disambut dengan usaha awal kesepakatan MCA-Gerakan dan perpaduan Cina. Mereka berusaha mengatasi perbezaan sesama merekadan kemudian menjalin kerjasama yang banyak membawa manfaat. Ada pemerhati politik dan peringkat sosial mengatakan bahawa perpaduan sudah mencapai peringkat gerakan atau dalam masyarakat Cina Malaysia;

“Gerakan perpaduan tersebut (termasuk penyelesaian krisis dalaman MCA DAN ura-ura penggabungan MCA –Gerakan serta kesepakatan di kalangan sektor pendidikan Cina) dapat dianggap sebagai satu proses yang berterusan di kalangan masyarakat Cina. Secara progresifnya gerakan perpaduan yang berterusan itu telah membawa hasil yang bertumpuk-tumpuk di setiap bidang termasuk politik, ekonomi, kebudayaan dan pendidikan. Kemuncaknya, ialah penubuhan Universiti Tunku Abdul Rahman (UTAR) ”.¹⁵

Tun Mahathir Mohammad mahupun Abdullah Badawi mahukan perpaduan berterusan bukannya perpecahan. Konflik etnik antara Melayu dan Cina pada 13 Mei 1969 di Kuala Lumpur adalah contoh terbaik yang cuba dielakkan oleh kedua-dua pemimpin ini.

Tetapi yang pasti ontologi pemikiran tegas dan pasti ditonjolkan oleh Tun Mahathir Mohammad dan Abdullah Badawi. Contoh terbaik dalam menangani tuntutan sebahagian kecil masyarakat Cina yang menimbulkan kontroversi pada tahun 1999 yakni menjelang Pilihanraya

¹⁵ Profesor Datuk Dr. Firdaus Abdullah, “Perpaduan Melayu sebagai resolusi 2004”, Utusan Malaysia, Khamis, 1 Januari, 2004, M.S. 6

Umum juga dikenali ‘Tuntutan Suqiu’. Permintaan melampau merangkumi 83 tuntutan di bawah 17 perkara yang diutarakan terhadap kerajaan telah membangkitkan isu perkauman dalam negara dan timbul rasa tidak puas hati di kalangan orang Melayu khasnya kerana menyentuh keistimewaan peribumi.

Sedangkan kerajaan sangat prihatin dan telus terhadap semua kaum, ontologi pemikiran rasional digambarkan oleh Abdullah Badawi apabila beliau;

“mengumumkan kira-kira 500, 000 murid Tahun Empat, Lima dan Enam daripada keluarga miskin di seluruh negara akan menikmati faedah yang akan dilaksanakan oleh kerajaan mulai tahun depan. Sebanyak RM 200 juta diperuntukkan bagi menjayakan skim khusus untuk membantu pelajar miskin mendapat pendidikan tambahan”.¹⁶

Ontologi pemikiran berbentuk agresif ditunjukkan oleh Abdullah Badawi apabila menyentuh soal kemalangan jalan raya. Corak pemikiran menghukum diketengahkan oleh beliau selepas mencadangkan penalti lebih berat ke atas pesalah jalan raya. Pemikiran agresif dan tidak pilih kasih. Jelas nampak ketara ia ditujukan kepada semua pengguna jalan raya tanpa mengira kaum atau agama termasuklah orang Cina.

Aprisiasi yang sama ditonjolkan oleh Abdullah Badawi jika dilihat pemikirannya yang mahukan tindakan segera dalam urusan pentadbiran kerajaan di peringkat pentadbiran daerah dan tanah. Pelbagai isu timbul antaranya tindakan yang lambat, birokrasi dan rasuah.

¹⁶ Kementerian Perpaduan Negara sedia bekerjasama”, Khamis, 1 Januari 2004, m.s.13

*“Mesej awal Pak Lah sudah menjanjikan sesuatu yang memberi pengharapan baru apabila mengarahkan supaya kakitangan awam meningkatkan mutu kerja serta memperkuatkannya perkhidmatan, kurangkan birokrasi dan perangi gejala rasuah. Dengan itu beliau mengarahkan setiap kementerian menujuhan pasukan khas bagi menstruktur semula fungsi pejabat dan pegawai daerah serta pihak berkuasa tempatan (PBT). Langkah itu bagi memastikan rakyat mendapat perkhidmatan lebih pantas dan terbaik daripada agensi berkaitan. Pak Lah mahu setiap menteri harus berusaha mengurangkan karenah birokrasi supaya masa menunggu kelulusan dipendekkan, supaya rasuah tidak membika”.*¹⁷

Penyelesaiannya semasa era Tun Mahathir Mohammad adalah teknologi maklumat iaitu melalui Sistem Pengurusan Tanah Berkomputer (SPTB). Sebaliknya, Abdullah Badawi melangkah dengan gerak kerja iaitu penubuhan Skuad Khas untuk menyelesaikan permasalahan yang dihadapi di pejabat Daerah dan Tanah.

Kedua-duanya menggunakan ontologi pemikiran kreatif dan inovatif bagi mengatasi halangan dan cabaran. Pastinya cara yang digunakan mempamerkan pemikiran berkesan dalam menongkah arus masalah seperti rasuah yang rata-ratanya melibatkan pemaju-pemaju pembangunan yang terdiri daripada orang-orang Cina sebagai pemilik kapital. Ini tidaklah bermakna orang Cina adalah sumber kepada peningkatan rasuah tetapi tindakan yang dibuat bagi membanding secara menyeluruh unsur-unsur berkaitan merangkumi semua pihak.

¹⁷ “Pak Lah mahu karenah birokrasi dikurangkan”, Berita Harian, Sabtu, 8 November 2003, m.s.17.

Ontologi Pemikiran Abdullah Badawi boleh dikatakan selari dengan Tun Mahathir Mohammad jika dilihat cara pemikiran dan tindakan yang dibuat ke atas beberapa kes kajian yang dianalisis. Dengan wawasan 2020 Tun Mahathir Mohammad boleh dikatakan sebagai perancang utama. Sebaliknya, Abdullah Badawi berperanan melaksana.

Namun, analisis kajian ini lebih tertumpu kepada pemikiran pemimpin Abdullah Badawi dan hubungannya dengan Cina. Pemikiran Abdullah Badawi lebih menyeluruh dan ketara untuk kepentingan semua pihak. Berdasarkan isu-isu yang diketengahkan dan telah dibincangkan, pemikiran beliau meliputi skop yang sangat luas melewati ruang seperti Politik, ekonomi, sosial, keagamaan, budaya dan etnik khususnya yang berkaitan dengan orang Cina.

Perbandingan pemikiran yang dibuat dengan Tun Mahathir adalah untuk melihat corak kepemimpinan yang dahulu. Contohnya, idea yang dicetuskan oleh Tun Mahathir Mohammad berkenaan sesuatu perkara seperti kes wabak Japanese Encephalitis (JE) atau Virus Nipah yang secara khusus melibatkan orang Cina di Malaysia.

Jika dilihat wabak ini telah menyebabkan hasil ternakan orang Cina iaitu babi atau khinzir terpaksa dimusnahkan keseluruhannya. Ini melibatkan kerugian besar kepada penternak-penternak dan orang Cina di Malaysia yang menjadikan khinzir sebagai sebahagian daripada menu harian mereka. Dari segi sosial, ia memberi kesan langsung kepada masyarakat Cina kerana ternakan ini adalah juga sebahagian daripada budaya dalam kehidupan mereka sejak turun-temurun. Apa yang cuba diperkatakan di sini ialah kaedah pemikiran Tun Mahathir

Mohammad pada sekitar tahun 2000 adalah bagaimana cara dan perlaksanaan dalam menyelesaikan masalah yang timbul.

Ini kerana selain untuk menjaga kepentingan kaum Cina yang terlibat, sensitiviti kaum-kaum yang lain juga perlu diambil kira dalam apa-apa tindakan. Pemikiran Abdullah Badawi jika dinilai pada masa krisis wabak ini berlaku adalah sehala dengan Tun Mahathir Mohammad kerana ketika ini beliau merupakan Timbalan Perdana Menteri kepada Tun Mahathir Mohammad. Oleh itu, ontologi pemikiran yang selari dapat dilihat di antara kedua-duanya dalam menyelesaikan konflik yang melibatkan masyarakat setempat dan kepentingan ekonomi sekaligus bagi penduduk Cina amnya.

Pemikiran yang sehaluan inilah yang mampu dan berjaya mengatasi masalah yang wujud dan menjaga kepentingan orang Cina dari dipengaruhi oleh pemikiran negatif yang mungkin mendatangkan keburukan pada masa itu.

Seandainya Abdullah Badawi melihat dan berfikiran negatif dengan membiarkan permasalahan ini berlarutan tanpa berusaha mencari jalan penyelesaian, pastinya beliau belum tentu dapat meneraju ke pimpinan yang ada sekarang. Mungkin pelbagai masalah yang tidak disangka akan terjadi dan tidak mustahil permasalahan berkaitan konflik perkauman yang melibatkan kaum-kaum yang ada di Malaysia akan tercetus semula disebabkan oleh rasa tidak puas hati dan ketidak prihatinan pihak pemerintah. Berbagai-bagai isu boleh dibangkitkan hanya dengan satu tindakan yang tidak wajar berkembang dan seterusnya mempengaruhi kepada gejala yang lebih buruk.

Cetusan pemikiran yang tidak rasional dan lambat bertindak boleh membawa kepada perbuatan yang juga tidak efisyen dan merugikan semua pihak. Terutamanya individu dan masyarakat itu sendiri.

Jika dilihat masa kajian adalah di antara tahun 1980 an, 1990 an dan sehingga sekarang ini. Penilaian terperinci berhubung kajian ontologi pemikiran Abdullah Badawi bermula pada tahun 1981 hingga 1984 iaitu semasa beliau memegang jawatan sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri.

Diikuti, Menteri Pelajaran pada tahun 1984 hingga 1986, Menteri Pertahanan 1986-1987, Menteri Luar 15.3.1999 hingga Februari 1999, dan sebagai Timbalan Perdana Menteri bermula Februari 1999 serta akhirnya dilantik menjadi Perdana Menteri pada 1.11.2003.

Bentuk pemikiran yang dilihat dan diketengahkan dalam kajian pemikiran ini adalah berdasarkan pembabitan beliau di sepanjang tahun perlibatannya dalam pentadbiran dan hubung kaitnya dengan kaum Cina. Begitu juga perbandingan pemikiran dengan Tun Mahathir Mohammad adalah berdasarkan corak yang sama.

Perbandingan Ontologi

Dalam bahagian ini, kami telah memilih pemikiran Dr. Mahathir untuk membuat perbandingan mengenai masyarakat cina di Malaysia.

Menurut Dr. Mahathir, dia sangat mengagumi masyarakat cina. Walaupun mereka sebenarnya bukan penduduk asal atau dengan erti kata lain buka kaum bumiputera dan banyak halangan-halangan yang di kenakan kepada masyarakat ini. Antara contoh halangan-halangan yang dikenakan oleh kerajaan kepada mereka adalah seperti sistem kouta untuk kemasukan ke IPT. Namun bangsa ini tidak pernah putus asa terus berusaha untuk mengatasi halangan-halangan tersebut. Malah ada yang berjaya mencatatkan keputusan terbaik di malaysia dalam peperiksaan seperti UPSR, PMR, SPM dan STPM. Walaupun masyarakat ini tidak mendapat hak-hak keistimewaan seperti bangsa lain. Malah kebanyakkan di IPTA terdapat begitu ramai pelajar cina.

Selain daripada itu juga Dr. Mahathir juga menyifatkan bahawa masyarakat cina merupakan pakar dalam bidang ekonomi, mereka juga mengawal dan menopoli bidang perniagaan di Malaysia. Dr. Mahathir menyatakan bahawa masyarakat cina merupakan perniaga yang bijak mencari lubang atau dengan erti kata lain pandai mencari peluang kejayaan. Selain itu masyarakat ini juga merupakan satu masyarakat yang rajin dan tabah dalam menghadapi cabaran-cabaran hidup. Di mana ada peluang untuk berjaya dalam perniagaan di situlah arah tuju masyarakat cina. Selain daripada itu masyarakat cina di Malaysia tidak pandai bergaya atau tidak pandai menunjuk-nunjuk tentang kekayaan mereka. Ini lah yang dikatakan oleh Dd. Mahathir tentang bangsa cina, "Kita berasas baik, *kerana* orang Cina sendiri sadar akan kemungkinan ini dan mereka sanggup berusaha menjayakan Dasar Ekonomi Baru," papar Mahathir memuji warga Cina yang mendukung kebijakan itu.

Kebanyakkan masyarakat cina di Malaysia merupakan ahli perniagaan yang berjaya tidak kira di peringkat tempatan atau global. Meraka mepunyai pemikiran yang tersendiri dan tidak

pernah berputus asa untuk terus berusaha untuk mencapai sesuatu matlamat atau gol sehingga mereka puas dan berjaya dengan cemerlang. Selain daripada itu, menurut Dr. Mahathir masyarakat cina merupakan penyumbang terbesar dalam KDNK negara di mana mereka lah penyumbang yang terbesar dalam pembayaran cukai negara. Antara kata-kata Dr. Mahathir, "Jika kita keluarkan Cina dengan segala-gala yang dibina dan dimiliki oleh mereka, tidak akan ada bandar kecil atau besar di Malaysia, tidak akan ada perniagaan dan perusahaan, dan tidak akan ada dana daripada cukai pendapatan dan korporat untuk membiayai segala subsidi, bantuan dan kemudahan untuk orang Melayu.

Selain dalam memuji masyarakat cina Dr. Mahathir juga ada mengkritik tentang masyarakat yang bijak dalam perniagaan ini. Dalam hal ini, masyarakat cina merupakan satu bangsa yang dikatakan terlalu mengikut adad tradisi dan tidak ingin mengubah cara hidupnya. Contohnya semasa perlaksanaan penggunaan bahasa inggeris dalam matapelajaran matematik dan sains di sekolah. Kaum cina tidak bersetuju dengan cadangan ini dan mahu agar sekolah cina dikecualikan. Mereka tetap ingin mengekalkan keadaan sekolah mereka seperti yang sedia ada iaitu tetap menggunakan bahasa pengantar bahasa cina.

**TUAN MOHD FAIZAL AZMIN BIN TUAN MAT 63566/01
AZMAN BIN BAKER 68000/02
ALEXSON BIN LUBINI 67989/02**

**SKW 320 FALSAFAH PENYELIDIKAN SAINS SOSIAL
BAHAGIAN IV: PEMIKIRAN PEMIMPIN (PEMETAAN DAN
PERBANDINGAN ONTOLOGI)
49. 'CINA' DALAM PEMIKIRAN ABDULLAH BADAWI**

Bibliografi

Buku.

¹ Tun Dato' Seri Dr. Lim Chong Eu, "Mematuhi, Menghormati Dan Mengekalkan Perlembagaan", Integrasi Nasional Cabaran bagi Malaysia yang Berbilang Kaum, Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang, 1996, m.s. 4.

²Kamus Dewan Edisi Ketiga, Dewan Bahasa dan Putaka, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kuala Lumpur, 1994, m.s.240.

³ Jack Collis, " Yakin pada diri sendiri,"pastinya anda boleh, Thinkers Library . Sdn Bhd, 2003, Bab 3, M/S 31.

Surat Khabar

⁴ Utusan Malaysia.

⁵Teks Perutusan Tahun Baru Perdana Menteri, “Kukuhkan Jati diri”, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Utusan Malaysia, Khamis, 1 Januari, 2004, m.s. 6.

⁶“Matrikulasi Kurikulum 2004 Dimantapkan”, Pendidikan, Utusan Malaysia, Isnin, 29 Disember, 2003, m.s. 4

⁷ Zalina Yahaya, “SJKC Hillside tolak Sekolah Wawasan bukan hebat”, Dalam Negeri, Mingguan Malaysia, Ahad, 4 Januari, 2004

⁸Ibid no 6.

⁹ “Arahan pakai baju setiap Sabtu”, Utusan Malaysia, Utara, Isnin, 29 Disember, 2003, m.s. 27.

¹⁰ Nazeri Nong Samah dan Azman Ismail, ’Kementerian kaji kemungkinan pelajar sekolah pakai batik”, Utusan Malaysia, Isnin, 29 Disember, 2003, m.s.1.

¹¹ UM, Rohana Man, “kembali kepada fungsi asas, Khamis, 1 Januari, 2004, M/S . 6

¹²UM, “IPTS, Tarik 50,000 pelajar asing pada 2005”, pendidikan, Jumaat, 12 Disember, 2003 M/S 3.

¹³UM, “200 guru berijazah dijangka di tempatkan di Pra sekolah 2004, dalam negeri, Jumaat 12, Disember 2003, M/S 25.

¹⁴ Ibid , no 15

¹⁵Profesor Datuk Dr. Firdaus Abdullah, “Perpaduan Melayu sebagai resolusi 2004”, Utusan Malaysia, Khamis, 1 Januari, 2004, M.S. 6

¹⁶ Kementerian Perpaduan Negara sedia bekerjasama”, Khamis, 1 Januari 2004, m.s.13

¹⁷ “Pak Lah mahu karenah birokrasi dikurangkan”, Berita Harian, Sabtu, 8 November 2003,

m.s.17